

Pembanggang manipulasi lebih banyak fakta sejarah



KUALA LUMPUR: Lebih banyak pembohongan dan manipulasi fakta sejarah akan dilakukan pemimpin pembangkang jika mereka berkeras untuk mempertahankan dakwaan kononnya komunis yang menyerang Balai Polis Bukit Kepong diketuai Mat Indera, adalah wira sebenar.

Naib Ketua Pemuda UMNO, Datuk Razali Ibrahim (atas), berkata pemimpin pembangkang, khususnya PAS tidak perlu mempertahankan kenyataan timbalan presiden mereka, Mohamad Sabu kerana mereka terpaksa melakukan lebih banyak pembohongan semata-mata untuk menutup isu yang mendapat bantahan pelbagai pihak.

Razali yang juga Timbalan Menteri Belia dan Sukan, berkata kerajaan mengiktiraf pejuang kemerdekaan, bukannya komunis yang terus melakukan serangan untuk menegakkan ideologi komunis, sekalipun negara merdeka pada 31 Ogos 1957.

"Lagi mereka cuba untuk menegakkan benang yang basah untuk tutup pembohongan, lebih banyak pembohongan akan dilakukan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada Persidangan Pemimpin Muda Sektor Awam Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Bukit Kiara, semalam.

Razali mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Pulau Pinang, kelmarin, yang memberi amaran supaya jangan ada mana-mana pihak cuba mengubah sejarah negara dengan mengagungkan kumpulan yang mengkhianati tanah air dengan merujuk kepada kumpulan komunis yang melakukan kekejaman ke atas orang ramai.

Ditanya mengenai keengganan Mat Sabu untuk berdebat dengan Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin, sebaliknya mahu berdebat dengan Timbalan Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang disifatkan banyak menyerangnya, Razali berkata Timbalan Presiden PAS itu tidak perlu berdolak dalik sekiranya beliau tidak mahu berdebat.

"Pihak yang mencabar Khairy (berdebat) adalah Kerajaan PAS Kelantan, Khairy terima cabaran itu. Kalau ada masalah kembali kepada PAS Kelantan. Soal debat ini juga adalah bukti Mat Sabu manipulasi isu ini," katanya.